



MURAL INDAH KUALA KLAWANG

Dinding bangunan dihiasi lukisan serlah identiti daerah Jelevu dengan keunikan, keistimewaan

OKUS

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
rencana@hmetro.com.my

*Melukis mural bukan sahaja perlu kreatif bagi menghasilkan lukisan

dinding yang cantik, namun perlu berdepan cabaran ketika melakukan kerja seni itu.

Zakir Amir Mohd Derus, 57, berkata, sebaik menerima sesuatu permintaan bagi melukis mural, dia membuat lakaran awal bagi

memastikan lukisan yang dilukis sesuai dengan dinding.

Katanya, sebaik jenis lukisan itu dipersetujui, dia bersama rakan-rakan membersihkan dinding atau tembok dengan membuang cat lama dan menampal dinding yang rosak.

"Sebaik semua urusan selesai, kami melakukan kerja awalan dengan membuat lakaran berdasarkan reka bentuk lukisan yang sudah dipersetujui.

"Kerja mengecat pula biasanya menggunakan cat bermutu tinggi yang

mampu mengekalkan mural sehingga sekurang-kurang 10 tahun, namun perlu melakukan penyelenggaraan sekurang-kurangnya setiap tiga tahun sekali," katanya.

Zakir Amir yang berasal dari Kampung Renal, Jelevu, Negeri Sembilan

berkata, dia mendapat kepercayaan dari Majlis Daerah Jelevu (MDJ) bagi melukis mural di Kuala Klawang.

"Seseorang pelukis mural perlu mempunyai bakat melukis selain berdisiplin.

"Sebelum ini saya pernah



LUKISAN mural bertemakan Pesona Jelevu di Kuala Klawang.